

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[ PADANG TERAP]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [ PADANG TERAP ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah tahap kesiapsiagaan fasiliti dan kemudahan perubatan di Sabah setelah berlakunya peningkatan kes COVID-19 secara mendadak serta setakat ini dan apakah kapasiti hospitaliti dan kelengkapan kesihatan berdasarkan kemampuan maksimum yang mampu dirawat oleh hospital di setiap negeri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. KKM sentiasa memandang serius situasi penularan pandemik COVID-19 khususnya di negeri Sabah sejak awal peningkatan bilangan kes yang bermula pada awal September 2020. Pelbagai usaha telah dijalankan seperti meningkatkan kapasiti fasiliti hospital dan mobilisasi aset serta sumber manusia. Usaha-usaha ini dilakukan bagi memastikan sistem rawatan kesihatan di negeri Sabah terus mampan dalam membendung penularan COVID-19. KKM membahagikan dua (2) Pelan Tindakan Pengurusan iaitu bagi Pesakit COVID-19 dan Pesakit Bukan COVID-19.

2. Bagi Pelan Tindakan Pengurusan Pesakit COVID-19, KKM telah meningkatkan kapasiti katil di hospital COVID-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC), katil ICU, ventilator, kapasiti ujian makmal dan sumber manusia:

- i. Pada masa ini, Sabah mempunyai 9 Hospital COVID-19 dan 26 PKRC dan jumlah katil hospital COVID-19 dan PKRC telah ditingkatkan sebanyak 14 kali ganda iaitu daripada 410 katil kepada 5,756 katil. Kadar penggunaan katil pada ketika ini adalah berada ditahap 39%;
- ii. Jumlah katil ICU di negeri Sabah adalah sebanyak 127 unit di mana kadar penggunaannya adalah pada tahap 78% berbanding 60 unit katil ICU dengan kadar penggunaan hanya 7% sahaja pada awal September 2020.
- iii. Bagi menampung peningkatan penggunaan katil ICU di Sabah, beberapa kawasan klinikal di hospital telah diubahsuai dan disusun atur semula bagi tujuan rawatan terhadap pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal (repurposing of clinical areas).
- iv. Terkini, terdapat 193 unit ventilator yang disediakan di mana kadar penggunaannya adalah pada tahap 37%. Penambahan jumlah ventilator ini adalah melalui peruntukan khas kerajaan dan hasil sumbangan pelbagai pihak.
- v. Meningkatkan kapasiti ujian makmal RT-PCR dan RTK Antigen.
- vi. Meningkatkan kapasiti dan mobilisasi tenaga sumber manusia Perubatan dan Kesihatan Awam

3. Manakala, bagi Pelan Tindakan Pengurusan Pesakit Bukan COVID-19, KKM melaksanakan Penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan Perubatan bagi kes-kes bukan COVID-19:

- i. Untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan dan rawatan kepada kes-kes bukan COVID-19 tidak terjejas,

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah berbincang dan menandatangani perjanjian dengan beberapa buah hospital swasta di Sabah untuk menyumberluar perkhidmatan kesihatan.

- ii. Terdapat 6 buah hospital KKM di Sabah yang terlibat dengan penyumberluaran perkhidmatan perubatan di Sabah yang meliputi 12 disiplin seperti berikut:
  - a) *Paediatric Cardiology*
  - b) *Paediatric Surgery*
  - c) *Vascular Surgery*
  - d) *Gynaecology*
  - e) *Hepatobiliary Surgery*
  - f) *Orthopedic*
  - g) *Urology*
  - h) *Cardiology*
  - i) *Radiology*
  - j) *Ophthalmology*
  - k) *Cardiothoracic Surgery*
  - l) *Neurosurgery*
- iii. Beberapa buah hospital swasta di Sabah telah dikenal pasti untuk menjalankan 1,833 pembedahan dan prosedur. Setakat ini 30 kes radiologi, 3 kes pembedahan neuro dan 4 kes kardiologi telah mula dihantar ke Hospital swasta bagi mendapatkan rawatan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**4. Penubuhan Hospital Medan di Tawau dengan kapasiti 100 katil mula dibangunkan di Kompleks Sukan Tawau pada 16 Oktober 2020.** Hospital ini adalah hasil kerjasama KKM dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertujuan membantu Hospital Tawau dalam merawat kes-kes bukan COVID-19 terutamanya kes kecemasan yang memerlukan pembedahan dan juga kes Pediatrik dan Obstetrik dan Ginekologi.

**SOALAN NO : 25**

- i. Hospital ini mula beroperasi sejak 20 Oktober 2020 dengan permulaan kemasukan pesakit bukan COVID-19 sebanyak 4 orang; dan
- ii. Diharapkan dengan adanya hospital ini, lebih banyak katil di Hospital Tawau boleh digunakan untuk pesakit COVID-19 dan juga kelangsungan rawatan pembedahan terhadap pesakit bukan COVID-19 dapat diteruskan.

Sekian, terima kasih.